

Datuk Chuah Tee Yong

Timbalan Menteri Kewangan

Kami berharap keadaan ringgit dan mata wang lain akan pulih dan kembali normal apabila Amerika Syarikat menyelesaikan perkara berkaitan kadar faedah mereka”



Mata wang global turut kena tempias

Kuala Lumpur: Penyusutan nilai ringgit pada masa ini dilihat tidak membimbangkan untuk mendorong pihak kerajaan mengambil langkah kecemasan kerana mata wang dunia lain turut mengalami situasi sama ekoran perkembangan global tidak memberansangkan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chuah Tee Yong berkata, mata wang bagi negara ekonomi besar lain seperti Brazil dan Turki mengalami penyusutan berbanding dolar Amerika Syarikat.

“Langkah kecemasan ini dilakukan jika mata wang Malaysia sahaja mengalami penyusutan manakala mata wang negara lain kekal sta-

bil,” katanya pada pelancaran pejabat baru Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah (LPPEH), di sini, semalam.

Beliau berkata, penyusutan kebanyakan mata wang global berlaku ekoran ketidakpastian kadar faedah Amerika Syarikat (AS) dan kejatuhan harga minyak yang dilihat memberi impak kepada negara yang menjadikan komoditi terbabit sebagai eksport utama.

Menurutnya, sikap AS yang masih tidak menetapkan kadar faedah dilihat memberi impak kepada ma-

ta wang di kebanyakan negara sehingga menyebabkan forum antarabangsa kerajaan dan gabenor bank pusat dari 20 ekonomi utama dunia (G20) menggesa negara terbabit menetapkan pendirian sewajarnya.

“Kami berharap keadaan ringgit dan mata wang lain pulih dan kembali normal apabila AS menyelesaikan perkara berkaitan kadar faedah mereka,” katanya.

Dalam perkembangan sama, penyusutan nilai mata wang ringgit pada masa ini dilihat memberi impak bercampur kepada pasaran do-

mestik dan asing bagi industri hartanah di negara ini.

Tee Yong berkata, pasaran domestik pada masa ini berdepan cabaran terutama membabitkan pelancaran projek baru dan peningkatan harga bahan mentah disebabkan terdapat sesetengah material yang diimport daripada luar negara.

Menurutnya, pasaran bagi warga asing dilihat lebih baik pada masa ini berikutan penurunan ringgit, sekali gus menjadikan harga hartanah di Malaysia lebih murah, namun ia tidak akan menjadi penyebab untuk menyemak semula harga minimum bagi kelayakan pemilikan hartanah warga asing iaitu sebanyak RM1 juta.

FAKTA
Penyusutan berlaku akibat ketidakpastian kadar faedah AS